

Uruskan harta peninggalan untuk keluarga

KESEJAHTERAAN keluarga merupakan suatu keutamaan dalam kehidupan manusia. Kita dididik oleh Islam supaya memberikan yang terbaik dalam setiap urusan terutama sekali ahli keluarga yang tersayang bagi memastikan kesejahteraan dan keperluan mereka terjaga.

Dalam Islam, kesejahteraan ini bukan sahaja perlu dititikberatkan ketika hidup di dunia malahan ia perlu mengambil kira kesejahteraan di akhirat. Secara fitrahnya, kita sebagai manusia akan sentiasa menyayangi seseorang terutamanya ahli keluarga dan bagi membuktikan sifat sa yang tersebut, kita sentiasa mencari jalan supaya mereka tidak berada dalam kesusahan sama ada ketika kita masih hidup ataupun selepas pemergian kita.

Kebanyakan masyarakat Islam pada hari ini tidak mengambil iktibar daripada pepatah Melayu iaitu ‘Sediakan Payung Sebelum Hujan’ dengan hanya mengutamakan keperluan keluarga ketika mereka masih hidup tetapi tidak memikirkan kebijakan mereka setelah kematiannya.

Natijahnya kita dapat melihat kesengsaraan ahli keluarga menanggung beban hutang si mati apatah lagi ketika perlu mencari rezeki untuk diri sendiri dan keluarga.

Oleh yang demikian, kita perlu meneliti dengan terperinci langkah-langkah perlu bagi merancang dan mengurus harta dengan bijak supaya kebijakan ahli keluarga terpelihara sewaktu kita masih hidup ataupun setelah ketiadaan kita kelak.

Islam telah menggariskan panduan yang lengkap kepada umatnya mengenai pengurusan harta bagi memudahkan peralihan harta semasa kita masih hidup ataupun selepas meninggal dunia. Instrumen seperti pelaksanaan hibah, wasiat dan faraid merupakan jambatan kepada harta kita untuk disampaikan kepada orang yang disayangi.

Setiap instrumen yang disebutkan tadi mempunyai ciri-ciri yang tersendiri bergantung kepada niat seseorang dalam menguruskan hartanya. Pada hari ini, pelbagai platform telah disediakan oleh pelbagai pihak dalam memastikan kelancaran pengu-



EKONOMI SYARIAH
Zafri Ab. Halim



Natijahnya kita dapat melihat kesengsaraan ahli keluarga menanggung beban hutang si mati apatah lagi ketika perlu mencari rezeki untuk diri sendiri dan keluarga.

rusan harta.

Antara yang menjadi pilihan masyarakat masa kini dalam memastikan kebijakan keluarga terpelihara adalah dengan menggunakan sistem takaful. Takaful menyediakan variasi pilihan dengan menyediakan manfaat-manfaat yang fleksibel bagi menanggung kos urusan jenazah dan pada masa yang sama mewariskan wang manfaat kepada ahli keluarga.

Dalam takaful, hibah dan faraid digunakan secara meluas untuk pengagihan jumlah perlindungan Takaful yang diamalkan. Hibah boleh dirujuk sebagai pemberian hak milik secara sukarela kepada seseorang tanpa mengharapkan sebarang balasan manakala faraid merupakan undang-undang lengkap mengenai pembahagian harta selepas kematian seseorang.

Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2013, seseorang peserta takaful boleh menamakan individu tertentu untuk menerima manfaat takaful sebagai pemegang amanah untuk dibahagikan secara faraid atau sebagai waris dengan menggunakan kontrak hibah bersyarat.

Pengendali takaful diwajibkan untuk memberikan pilihan hibah atau faraid kepada peserta bagi memudahkan urusan pembahagian manfaat takaful si mati dan pada masa yang sama me-

nepati tujuan peribadi mereka.

Apa yang menarik mengenai akta ini, sekiranya penamaan takaful dilakukan menggunakan hibah bersyarat, manfaat takaful yang dibayar oleh pengendali takaful akan mempunyai kesan pemindahan pemilikan kepada penama. Oleh itu ia tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka si mati dan tidak juga ter-takluk kepada hutangnya.

Ini menjadikan wang manfaat tersebut sebagai harta mutlak penama dan boleh digunakan tanpa sebarang halangan daripada sudut syariah ataupun undang-undang. Dalam erti kata yang lain, wang manfaat tersebut telah dilindungi daripada dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekiranya manfaat tersebut diberikan melalui penamaan kepada pemegang amanah, ianya perlu dihimpunkan bersama-sama harta si mati yang lain sebelum dibahagikan mengikut faraid. Bagaimanapun, sebelum pelaksanaan faraid dapat dilaksanakan, waris perlu menyelesaikan beberapa perkara yang berkaitan dengan si mati seperti harta yang telah dihibahkan, kos pengurusan jenazah, hutang-hutang si mati dengan Allah dan manusia, dan juga wasiat.

Undang-undang faraid juga menjamin pembahagian harta secara adil dengan mendahulukan waris yang terdekat dan melebihkan bahagian kepada waris yang mempunyai tanggungjawab yang lebih besar.

Sebagai kesimpulan, umat Islam pada hari ini perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu perancangan dan pengurusan harta mengikut syariah dalam mengelakkan kesejahteraan keluarga dan mengelakkkan sebarang permusuhan akibat harta.

Takaful pula adalah sebahagian daripada instrumen pelaksanaan pembahagian harta sedia ada dan memerlukan instrumen sokongan yang lain bagi pembahagian harta secara sempurna. Urus harta dengan bijak demi kesejahteraan masa depan dan keluarga.

PENULIS adalah Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad.